

# WILAYAH KU

BIL 54 17 - 23 JANUARI 2020

PERCUMA PP19441/12/2018 (035014)

 akhbar wilayahku  WK TV  akhbar wilayahku  @akhbar wilayahku

mediawargakota

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

## Bola sepak perpaduan

Sampaikan mesej tolak sentimen perkauman melalui acara sukan

**B**UKAN retorik tetapi realiti. Padang bola sepak menjadi tempat yang berkesan untuk mengukuhkan perpaduan pelbagai kaum di negara ini.

Perkara ini ditampilkan dalam Pertandingan Bola Sepak Perpaduan Piala Khalid Samad 2020 di Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

Dalam perlawanan itu, Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad beraksi bersama legenda bola sepak negara, Datuk Soh Chin Aun. 16 pasukan yang menyertai pertandingan itu turut membariskan pemain dari pelbagai kaum.



BERITA PENUH DI MUKA 2

# 'Di padang kita hanya fikir mahu jaringkan gol'

**SHAH ALAM** – Seluruh rakyat negara ini masih mengimpi kan kegemilangan sukan bola sepak Malaysia yang pernah dikecapi pada tahun 1970-an.

Ketika itu, nama besar bola sepak negara diberisi Datuk Soh Chin Aun atau dikenali sebagai tauke, penyerang legenda, Allahyarham Mokhtar Dahari, mendiang R. Arumugam, Datuk Santosh Singh, Datuk Shukor Salleh dan lain-lain lagi.

Sewaktu zaman kegemilangan itu, pasukan negara telah berjaya menewaskan pasukan Korea Selatan se kali gus layak ke Olimpik 1980 di Moscow namun kerajaan bertindak memboikot kerana pencerobohan Rusia ke atas Afghanistan.

Apa yang masih diingati ialah skuad negara yang

diberisi pemain terdiri daripada pelbagai kaum itu berjaya membentuk sebuah pasukan yang hebat hingga digelar gergasi bola sepak Asia.

Suasana itu diimbau kembali apabila apabila baru-baru ini, Chin Aun bersama-sama beraksi dengan Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail di atas padang bola untuk menghantar mesej perpaduan kepada seluruh rakyat Malaysia.

Dalam Pertandingan Bola Sepak Perpaduan Piala Khalid Samad 2020 yang dianjurkan Parti Amanah Negara Kawasan Shah Alam di Stadium Rhino KV Arena Shah Alam, sebanyak 16 pasukan dengan



KHALID (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Soh Chin Ann (kanan) sambil dilihat Saifuddin Nasution selepas merasmikan Bola sepak Perpaduan Piala Khalid Samad 2020 di Stadium Rhino KV Shah Alam baru-baru ini.

masing-masing diberisi pemain berbilang kaum berjaya menonjolkan semangat perpaduan yang disemai melalui

acara sukan bola sepak.

Chin Aun melahirkan rasa gembira kerana melihat peserta dari pelbagai kaum menyer-

tai pertandingan itu.

"Kalah dan menang bukan ukuran kerana yang penting adalah kebersamaan sebagai rakyat Malaysia dan bermain dengan semangat kesukunan yang tinggi," katanya.

Chin Aun berkata, beliau mahu melihat Malaysia menjadi lebih baik dan sukan sepakutnya menjadi salah satu cara menyatupadukan rakyat.

"Kita perlu ada pertandingan (berkonsep) sebegini. Di padang, kita bersama bermain bola, kita lupakan perkara lain.

"Hanya fikir bagaimana untuk jaringkan gol. Itu sahaja. Kita tidak bercakap soal politik atau perkara lain."

"Kita mahu menang dalam pertandingan bola sepak, bukan menang dalam isu-isu sebegini (isu perkauman)," katanya.

Bola Sepak Perpaduan Piala Khalid Samad 2020 sampaikan mesej perpaduan

## Sukan rapatkan hubungan kaum

Oleh AZLAN ZAMBRY  
azlanwilayahku@gmail.com

Foto NAZIRUL ROSELAN

**S**HAH ALAM – Pertandingan Bola Sepak Perpaduan Piala Khalid Samad 2020 yang julung-julung kali diadakan baru-baru ini membuka dimensi baharu dalam hubungan di antara rakyat Malaysia berbilang kaum dan agama.

Pertandingan itu mewajibkan setiap pasukan penampilkannya pemain berbagai kaum dianjurkan ketika segelintir pihak menukar sentimen kaum dan agama dalam pelbagai isu sejak kebelakangan ini.

Ia melontarkan satu mesej penting bahawa rakyat Malaysia perlu bersatu padu melawan pihak yang cuba menjadikan isu perkauman sebagai senjata politik untuk memecahbelahkan perpaduan kaum di negara ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, cara terbaik untuk melawan pihak yang gemar memainkan isu perkauman adalah dengan menghantar mesej perpaduan sebagai rakyat Malaysia.

"Rakyat Malaysia berbilang kaum sentiasa menghargai kepelbagaian yang wujud dalam



KHALID (tengah) bergambar bersama pemain yang menyertai Bola sepak Perpaduan Piala Khalid Samad 2020 di Stadium Rhino KV Shah Alam, baru-baru ini.

masyarakat kita, ini merupakan satu mesej yang cukup penting.

"Kita perlu ulangi berkali-kali dan lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang di mana pihak yang tidak setuju dan tidak menyokong kerajaan semasa cuba timbulkan isu perkauman dan semua isu dikaitkan dengan soal kaum, inilah perkara yang kita harus lawan," katanya selepas merasmikan pertandingan bola sepak tersebut di Stadium Rhino KV Arena Shah Alam baru-baru ini.

Pertandingan anjuran Parti Amanah Negara (Amanah) Shah Alam itu turut dihadiri legenda

bola sepak tanah air, Datuk Soh Chin Aun; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Ahli Dewan Negeri Kota Anggerik, Najwan Halimi.

Khalid yang juga Ahli Parlimen Shah Alam berkata, salah satu cara untuk menyampaikan mesej perpaduan adalah dengan mengajak pertandingan sukan.

"Pertandingan yang pertama kali dianjurkan ini berjaya mengumpulkan 16 pasukan dengan disertai pemain dari kaum berketurunan India, Melayu, Cina, Iban dan Murut," katanya.

### REAKSI pemain bola sepak

“Saya amat gembira apabila diberi peluang bermain dalam suasana yang muhibah, harmoni dan dalam semangat berpasukan

"Pihak pengajur berjaya memecah tembok perkauman melalui pengajuran sukan bola sepak ini sekali gus ia dapat membina perpaduan"



JASON LIM, 29.

“Pada peringkat permulaan sudah pasti agak kekok namun kami membuat sesi 'ice breaking' terlebih dahulu dan seterusnya boleh bermain dengan baik."

"Ini merupakan satu pengajuran yang bagus dan ia perlu diteruskan dan dapat mengajar generasi muda mengenai perpaduan itu merupakan kepentingan kepada semua kaum."

G. HARVINDER SINGH, 25.

“Dalam perlawanan ini saya dapat pendedahan mengenai cara berkomunikasi dengan betul dengan rakan-rakan dari pelbagai kaum, harap pertandingan bola sepak ini diteruskan pada masa akan datang."

MUHAMMAD ASYRAF AZHAR, 23.

“Campuran ketiga-tiga kaum dalam sebuah pasukan ini seperti membawa kita kearah kegemilangan bola sepak pada era dahulu."

"Sejarah bola sepak negara kita dihiasi dengan kehandalan legenda seperti Datuk Soh Chin Aun, Mokhtar Dahari dan R. Arumugam, ia mengandungi elemen perpaduan, harmoni dan muhibah."



TAN JAY SHAWN, 27.

## 'Sara Sajeeda' buat Nami beralih arah

Oleh AINI MAWAWI  
ainiwilayahku@gmail.com

**PADA** awalnya, jejaka berusia 23 tahun yang dikenali sebagai Nami Harez ini bergiat aktif dalam dunia lakonan dengan beberapa buah drama dan telefilem sejak tahun 2015 namun kini dia terpanggil untuk mencuba nasib dalam bidang nyanyian pula.

Tidak menyangka percubaannya membawa hasil, menurut Nami, dia memang sudah lama menyimpan hasrat untuk bergelar penyanyi namun baru sekarang impiannya itu menjadi kenyataan.

"Saya kini tidak lagi aktif berlakon dan hanya menumpukan sepenuh perhatian terhadap nyanyian selain turut bergelar seorang komposer dan juga penulis lirik," ujarnya.

Kata Nami, biarpun tidak lagi bergelar pelakon, dia tetap akan



mengembangkan bakat yang dimilikinya di dalam industri seni cuma berbeza aliran sahaja.

"Saya dapat rasakan ini adalah keputusan yang terbaik kerana sejak dahulu lagi saya memang lebih terarah kepada bidang penciptaan lagu. Ini kerana saya suka mengabadikan apa yang berlaku disekeliling dalam bentuk lagu. Bagi saya, ia sangat menarik," ujarnya.

Ternyata bidang baharu itu mendapat perhatian apabila lagu ciptaan dan nyanyiannya bersemesta drama *Sara Sajeeda* yang ditayangkan di slot Samarinda TV3 penghujung tahun lalu menjadi siulan ramai.


"Bagi saya, ini suatu pencapaian yang amat membanggakan. Bukan sahaja bagi diri ini tetapi rakan-rakan lain yang sama terlibat dalam penciptaan lagu ini. Ia sedikit sebanyak membantu mengukuhkan

nama saya dalam industri ini. Sejujurnya bukan mudah untuk bersaing lebih-lebih lagi saya baru mula hendak bertapak," ujarnya.

Gemar membuat eksperimen dalam karya yang dihasilkan, lagu *Sara Sajeeda* misalnya mempunyai elemen-elemen Bollywood yang diketengahkan di dalam penciptaannya.

"Sebelum ini saya juga pernah muncul dengan single *Dewinda* yang juga merupakan lagu bagi drama *Lelaki Kiriman Tuhan* selain lagu *Ceritera Cinta* untuk filem pendek *Jalang Itu Ibu Aku*," ujar Nami.

Antara drama yang pernah dibintangi olehnya sebelum ini adalah *Menantu Ting Tong*, *Amsyar*, *Musafir Lalu*, *Sehelai Songket Berbunga Penuh* dan banyak lagi.



Peserta pelbagai kaum hadir Bengkel Kaligrafi Seni Khat dan Jawi di Kerinchi

## Seronok belajar khat, tulisan jawi

Oleh HELMI MOHD. FOAD  
helmiwilayahku@gmail.com

**KUALA LUMPUR** – Bengkel Kaligrafi Seni Khat dan Jawi yang diadakan di Perpustakaan Awam Kerinchi di sini baru-baru ini menampilkan keunikian tersendiri apabila ia berjaya memupuk rasa harmoni dan mempelajari silang budaya.

Ini apabila program tersebut disertai masyarakat pelbagai kaum untuk turut sama memahami dan mengetahui keindahan seni khat dan tulisan jawi.

Peserta yang terdiri dari kaum Melayu, Cina dan India bersama-sama mencuba dengan penuh minat melorekkan atas kertas yang tersedia dengan tulisan jawi.

Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil berkata, mempelajari seni khat dan tulisan jawi tidak sewajarnya menjadi isu kerana ia merupakan sebahagian daripada budaya dan warisan negara ini.

Justeru pihaknya ber-



FAHMI (berdiri, depan lima dari kiri) bergambar bersama peserta Bengkel Kaligrafi Seni Khat dan Jawi yang diadakan di Perpustakaan Awam Kerinchi baru-baru ini.

harap rakyat berbilang kaum di negara ini dapat memahami dengan lebih mendalam seni warisan negara itu.

"Kita jelas, bagi saya semua bentuk seni yang kita tonjolkan terutamanya seni khat dan tulisan jawi adalah sebahagian daripada budaya kita."

"Harapan saya agar kita boleh mengambil peluang untuk lebih memahami supaya jurang yang wujud

atau yang sengaja diwujudkan dapat diatasi," katanya ketika berucap merasmikan bengkel berkenaan baru-baru ini.

Ia merupakan anjuran bersama Pejabat Ahli Parlimen Lembah Pantai, Majlis Perwakilan Penduduk Zon Lembah Pantai, Persatuan Kebajikan Harapan Utama Kuala Lumpur dan Huroof Seni. Bengkel itu dikendali pereka grafik khaligrafi khat,



SEBAHAGIAN peserta bukan Melayu turut mempelajari teknik menulis khat dan tulisan jawi.

Mohammad Abdul Hadi.

Seramai kira-kira 80 peserta kanak-kanak dan orang dewasa daripada pelbagai kaum menghadiri bengkel tersebut.

Dalam pada itu, Fahmi berkata, pihaknya kesal apabila sebelum ini ada pihak mendakwa beliau membelakangkan tulisan jawi kerana menganjurkan bengkel Kaligrafi Cina di kawasan Parlimen tersebut baru-baru

ini.

Difahamkan Bengkel Kaligrafi Cina sebelum ini diawalkan pengjurannya bagi membolehkan peserta dari kaum Cina dapat membuat persiapan sempena Tahun Baru Cina.

"Saya terasa kerana ada juga komuniti Cina beragama Islam yang turut menyambut Tahun Baru Cina dan masih amalkan kaligrafi Cina," katanya.